

20 JUL 1998

Abdullah-Palestin

M'SIA MAHU AMERIKA GUNA PENGARUHNYA TERHADAP NETANYAHU

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Malaysia akan terus meminta Amerika Syarikat supaya menggunakan pengaruhnya terhadap Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu untuk mengatasi kebuntuan dalam proses perdamaian di Asia Barat.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, Malaysia kesal kerana Amerika tidak berjaya dalam menggunakan pengaruhnya terhadap Netanyahu untuk menggerakkan proses keamanan.

"Sebenarnya Netanyahu telah mengabaikan semua perjanjian keamanan antara penduduk Israel dan Palestin, ini sangat dikesali," kata beliau dalam persidangan berita bersama Menteri Luar Palestin Farouk Khadoumi di Kementerian Luar di sini.

Sebelum itu mereka mengadakan perbincangan untuk lebih kurang setengah jam mengenai perkembangan terkini di Asia Barat.

Khadoumi yang tiba di sini semalam kerana lawatan rasmi lima hari, diiringi oleh penasihat politik Terzi Zuhdi dan Duta Palestin ke Malaysia Ahmed Al Farra dalam perbincangan itu.

Abdullah berkata, komitmen Malaysia untuk menyokong perjuangan Palestin tetap kukuh dan Kuala Lumpur akan berbuat apa sahaja di forum-forum antarabangsa untuk tujuan Palestin.

"Adalah menjadi harapan kita yang keamanan akan kembali ke Asia Barat, kita berharap yang rakyat Palestin satu hari nanti berhak pulang ke tanahair mereka, perjuangan rakyat Palestin ialah perjuangan bagi hak asasi manusia," katanya.

Khadoumi menyatakan penghargaannya kepada Malaysia yang selama ini menyokong perjuangan rakyat negara itu.

Beliau berkata, kerajaan Israel yang diketuai oleh Netanyahu telah membantutkan proses keamanan yang dipersetujui sebelum ini, sementara Amerika sebagai orang tengah utama gagal meyakinkan kerajaan Israel untuk melaksanakan perjanjian itu.

Khadoumi berkata, kerajaan Israel yang diketuai oleh Netanyahu telah membuat dua keputusan penting yang menjejaskan proses keamanan di rantau itu.

Keputusan-keputusan itu menggariskan wilayah yang menjadi kepentingan Israel termasuk kawasan keselamatan timur dan barat, kawasan di sekeliling Baitulmakdis, penempatan-penempatan, kepentingan infrastruktur (air, elektrik dan pengangkutan) dan kawasan-kawasan strategik ketenteraan.

"Dengan itu tiada apa lagi yang tinggal di Tebing Barat, yang 97 peratus daripadanya wilayah Palestin pada 1967," katanya.

Beliau berkata, Israel merampas lebih banyak lagi kawasan di sekitar Baituilmakdis seminggu lepas, dengan kawasan yang dirampas itu merupakan 80 peratus daripada wilayah Tebing Barat.

Khadoumi berkata, keputusan-keputusan itu menimbulkan kesukaran bagi melaksanakan syarat-syarat perjanjian.

"Mereka berperangai macam Hitler...ini Nazi yang serupa," kata beliau.

Netanyahu telah membangkitkan idea penempatan semula baru yang nampak munasabah atas kertas tetapi hampir mustahil untuk dilaksanakan.

Ditanya apa yang negara-negara lain boleh buat untuk membantu Palestin, beliau berkata mereka boleh mengenakan tekanan pada Amerika supaya mengambil inisiatif dan memberitahu dunia yang Israel bertanggungjawab bagi membantutkan dan memusnahkan proses keamanan itu.

"Tindakan perlu diambil oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan

sekatan ekonomi perlu dikenakan terhadap Israel, seperti yang dikenakan pada rejim aparteid di Afrika Selatan satu masa dahulu," katanya lagi.

Khadoumi kemudian mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

-- BERNAMA

AFY PR